



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 10 /20182019
TARIKH: 27 JUN 2019 (KHAMIS) 9.00 PAGI BILIK MESYUARAT SPS 3, SPS UTMJB

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	ALUAN Pengerusi		
	1.6 ODL dan MOOC Pengerusi memaklumkan bahawa laman web ODL telah beroperasi sepenuhnya dan boleh dilayari di pautan http://odl.utm.my/. Manakala bagi MOOC, beliau memaklumkan bahawa pihak SPS akan berbincang bersama UTMLead berkaitan standard kesetaraan MOOC dan akan dibincangkan juga garis panduan berkaitan MOOC.	Tindakan : BPSP, SPS	
3.0	PERKARA BERBANGKIT		
	3.1 Pembentangan Graduan di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Pihak MJIIT telah memaklumkan kepada ahli mesyuarat berkenaan ketidakhadiran Dekan dan Timbalan Dekan MJIIT untuk Mesyuarat JKTS P&P yang akan datang kerana mereka berada di luar negara. AMD memaklumkan bahawa bagi Dekan atau Timbalan Dekan yang tiada di dalam negara masih belum mempunyai pengesahan bagi wakil sekolah/fakulti. Walau bagaimanapun, bagi mesyuarat yang akan diadakan pada 8 hingga 9 Julai 2019 ini, pembentangan hanya akan diadakan di UTMJB dan tiada sesi <i>video conference</i> ke UTMKL. Pihak MJIIT mendapatkan pengesahan dari Timbalan Naib Canselor (A&A) untuk meluluskan kehadiran wakil dari MJIIT untuk pelaksanaan pembentangan tersebut.	Tindakan : MJIIT	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
12.0	HAL-HAL LAIN		
	12.1 Status Supervisory Record Prof. Madya Dr Ahmad Jusoh memaklumkan bahawa di dalam sistem GSM di paparan <i>supervisory record</i> status yang graduan atau belum graduan tidak dapat dilihat oleh Admin. Mohon agar sistem tersebut ditambahbaik agar admin boleh melihat paparan status penilai untuk tujuan pelantikan penilai.	Tindakan : BPKA, SPS	
	12.2 Pelantikan Penilai Luar Prof. Madya Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd. Rahman membangkitkan isu penilai yang telah menjadi Ahli Perundangan Negeri (ADUN). Mesyuarat dimaklumkan oleh Timbalan Pendaftar (FK) bahawa perkara ini telah dibincangkan di peringkat fakulti dan ianya tidak menjadi isu selagi penilai tersebut masih lagi ahli akademik dan beliau masih bersetuju menjadi penilai pelajar tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat sebagai makluman.	Tindakan : Fakulti Kejuruteraan	
	12.3 Pencalonan Graduate Assistantship (GA) Prof. Madya Dr. Astuty binti Amrin telah membangkitkan isu bilangan GA yang masih tidak mencapai kuota yang ditetapkan. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak SRAD masih menerima lagi pencalonan dari fakulti untuk pendaftaran dan penawaran GA untuk semester yang akan datang. Fakulti dimohon untuk terus menghantar permohonan untuk pelajar ke SRAD.	Tindakan : Semua Fakulti	